

- 1 Logo 1 berkaitan dengan sebuah organisasi bukan bermotifkan untung.



Logo 1



Apakah kaedah perniagaan organisasi tersebut?

- A Jualan pada harga di bawah kos
 - B Jualan pada harga di atas kos
 - C Jualan pada harga kos
 - D Secara percuma
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis rakan kongsi.

Aley ingin menyumbang modal dalam perniagaan rakannya namun tidak mahu terlibat dalam pengurusan dan ingin menghadkan risiko tanggungan.

Apakah rakan kongsi tersebut?

- A Rakan kongsi lelap
 - B Rakan kongsi aktif
 - C Rakan kongsi berhad
 - D Rakan kongsi nominal
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.

Encik Roslan bercadang untuk menambah modal tunai dengan menerbitkan syer kepada ahli keluarga dan rakan-rakan rapatnya.

Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

- A Perkongsian Berhad
- B Syarikat Awam Berhad
- C Syarikat Sendirian Berhad
- D Perkongsian Liabiliti Terhad

- 4 Gambar 1 merupakan satu bentuk perniagaan lain.



Gambar 1

Antara berikut, manakah kelebihan kepada peniaga yang menyertai pelawaan tersebut?

- I Risiko kegagalan perniagaan adalah rendah
- II Menikmati ekonomi bidangan
- III Dapat menembusi pasaran baharu
- IV Peniaga tidak perlu banyak pengalaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 5 Aktiviti manakah yang **betul** tentang sektor sekunder?

- A Menghasilkan mesin *X-ray* khas untuk hospital
- B Mengeluarkan petroleum dari pesisir pantai
- C Mengeksport ikan hiasan ke luar negara
- D Menanam padi untuk pasaran tempatan

- 6 Antara berikut, manakah pernyataan yang **benar** tentang perkaitan antara penawaran, bentuk pemilikan, klasifikasi dan skala perniagaan?

- I Perkongsian boleh menawarkan perniagaan menjual barang dan perkhidmatan
- II Penawaran perkhidmatan diklasifikasikan sebagai sektor pembekalan tenaga
- III Saiz perniagaan yang kecil hanya boleh berada dalam skala tempatan sahaja
- IV Bentuk perniagaan boleh berubah apabila saiz perniagaan bertambah besar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Syarikat Mesra Berhad merupakan pengeluar produk makanan sejuk beku berasaskan ayam segar untuk beberapa daerah di Selangor. Perniagaan mempunyai 50 orang pekerja tetap dan 24 orang pekerja sambilan.

Manakah pasangan yang **betul**?

	Saiz	Skala
A	Kecil	Negeri
B	Sederhana	Negeri
C	Kecil	Tempatan
D	Sederhana	Tempatan

- 8 Apakah akta berkaitan perlindungan pengguna yang membuat pembelian barang secara ansuran?
- A Akta Kontrak 1950
 - B Akta Sewa Beli 1967
 - C Akta Perhubungan Industri 1967
 - D Akta Perlindungan Pengguna 1999
- 9 Gambar 2 berkaitan sebuah perniagaan yang mendapat pelepasan cukai kerajaan.



Gambar 2

Apakah jenis pelepasan tersebut?

- A Taraf perintis
- B Potongan cukai
- C Pengecualian cukai
- D Elaun cukai pelaburan

10 Apakah agensi yang berperanan untuk memastikan piawaian produk bermutu tinggi?

A



B



C



D




11 Antara berikut, yang manakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan?

- I Menyediakan kemudahan infrastruktur setempat
- II Membuat kawalan terhadap kesihatan awam
- III Menawarkan bantuan modal awal pelaburan
- IV Memajukan sistem pendidikan usahawan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Rajah 1 menunjukkan trend persekitaran bagi sebuah perniagaan.



Rajah 1

Apakah yang menyebabkan trend tersebut berlaku?


- A Mengeluarkan produk yang optimum
- B Menjalankan penyelidikan yang konsisten
- C Mengamalkan gaya pengurusan demokratik
- D Menjalankan aktiviti pemasaran yang terhad

13 Antara berikut, manakah faktor luaran yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan?

- I Penggunaan peralatan teknologi maklumat meningkatkan kecekapan organisasi
- II Pengambilan tenaga buruh yang berkemahiran meningkatkan produktiviti
- III Penggunaan baja organik berbanding baja kimia lebih selamat dan bersih
- IV Hubungan diplomatik dengan negara luar membantu meningkatkan ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 14 Rajah 2 berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi perubahan dalam persekitaran perniagaan.



Rajah 2

Situasi yang manakah berkaitan dengan P?

- A Encik Hazmi seorang majikan yang dapat menerima pendapat pekerjaanya
 - B Puan Muiza seorang yang bertoleransi dalam menguruskan perniagaannya
 - C Puan Noha seorang pengurus yang tegas dalam membuat keputusan
 - D Encik Robin memberi kebebasan kepada pekerja dalam semua tugas
- 15 Jadual 1 berkaitan aplikasi ciri-ciri objektif dalam sebuah perniagaan.

Aktiviti	Bulan 1	Bulan 2	Bulan 3	Bulan 4	Bulan 5
Kajian pasaran					
Pembangunan resipi					
Pembelian mesin					
Pengeluaran produk					
Promosi produk					
Pelancaran produk					

Jadual 1

Apakah ciri objektif yang berkaitan?

- A Spesifik
- B Munasabah
- C Jangka masa
- D Boleh dicapai

- 16 Apakah maksud syer pasaran?
- A Jumlah pesaing baharu yang wujud dalam sesebuah pasaran
 - B Jumlah pembeli berpotensi yang disasarkan dalam sesebuah pasaran
 - C Jumlah barang dan perkhidmatan yang dijual dalam sesebuah pasaran
 - D Jumlah penguasaan pembeli berbanding pesaing dalam sesebuah pasaran
- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan bahagian fungsian dalam sesebuah perniagaan.

- Menyediakan latihan induksi
- Perhubungan industri

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Khidmat pelanggan
 - B Teknologi maklumat
 - C Pengurusan sumber manusia
 - D Penyelidikan dan pembangunan
- 18 Maklumat berikut diperoleh daripada bahagian fungsian belian sebuah organisasi.

Organisasi perlu menentukan pembekal berdasarkan kriteria seperti harga yang paling kompetitif, kualiti yang terbaik, dan kredibiliti pembekal.

Apakah proses pembelian yang berlaku pada peringkat tersebut?

- A Menerima sebut harga daripada pembekal
 - B Mencari pembekal yang sesuai
 - C Membuat pesanan pembelian
 - D Menilai pembekal-pembekal
- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan bahagian fungsian.

- Mendapatkan maklum balas berkaitan penggunaan produk
- Mengemaskini profil pelanggan sedia ada
- Membuat sasaran pelanggan

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Bahagian fungsian pemasaran
 - B Bahagian fungsian pengagihan
 - C Bahagian fungsian pentadbiran
 - D Bahagian fungsian pengeluaran
- 20 Manakah yang berkaitan dengan peranan bahagian fungsian pengagihan?
- A Menentukan spesifikasi barang diterima adalah tepat
 - B Membuat rundingan berkaitan terma jual beli
 - C Mengawal perbelanjaan yang telah diagihkan
 - D Memastikan pengangkutan bersesuaian dengan produk

21 Apakah yang berlaku semasa proses komersialisasi pembangunan produk baharu?

- A Menerangkan sasaran pasaran
- B Menganalisis kajian semula jualan
- C Mengkaji idea bagi produk baharu
- D Menentukan cara promosi dijalankan

22 Maklumat berikut berkaitan dengan proses komunikasi.

X	Y
Melibatkan pengolahan terhadap sesuatu idea sedia ada	Reaksi terhadap mesej yang diterima

Manakah pasangan yang betul?

	X	Y
A	Enkod	Maklum balas
B	Dekod	Maklum balas
C	Enkod	Gangguan
D	Dekod	Gangguan

23 Antara berikut, situasi manakah yang berkaitan dengan kepentingan pengurusan sumber manusia?

- I Kekosongan jawatan selepas persaraan perlu diganti dengan pekerja baharu
- II Sebuah perusahaan kilang menyediakan kemudahan perubatan kepada pekerja
- III Lokasi perniagaan di kawasan bandar memudahkan pekerja untuk datang bekerja
- IV Pekerja kreatif dan inovatif akan menjana keuntungan kepada sesebuah perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Situasi berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia dalam sebuah perniagaan.

Syarikat MRB Jaya menghadapi penurunan jualan akibat persaingan yang sengit dalam pasaran digital. Pengurus syarikat bercadang untuk mempergiat strategi pemasaran secara atas talian.

Apakah peranan bahagian pengurusan sumber manusia bagi mengatasi masalah tersebut?

- A Meningkatkan latihan kemahiran digital terkini kepada pekerja
- B Menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan pekerja
- C Memantapkan budaya kerja profesional di tempat kerja
- D Memberikan insentif yang munasabah kepada pekerja

- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan satu aspek pengelolaan sumber manusia.

Kemalangan Maut Pekerja di Tapak Pembinaan, Syarikat didenda

JOHOR BAHRU-Sebuah syarikat pembinaan didenda RM60,000 oleh Mahkamah Sesyen atas dua pertuduhan gagal menyediakan hadangan sehingga mengakibatkan kemalangan maut kepada pekerjaanya. Syarikat juga gagal melantik pegawai keselamatan dan kesihatan di tapak kerja.

Sumber: <https://bharian.com.my/2025/12>

Aspek pengelolaan manakah yang tidak dipatuhi oleh syarikat tersebut?

- A Struktur organisasi
 - B Penempatan pekerja
 - C Penyelesaian masalah
 - D Standard prosedur operasi
- 26 Gambar 3 menunjukkan perbualan berkaitan struktur organisasi dalam sebuah perniagaan.



Gambar 3

Apakah struktur organisasi yang dimaksudkan?

- A Struktur organisasi berdasarkan fungsi
- B Struktur organisasi berdasarkan produk
- C Struktur organisasi berdasarkan matriks
- D Struktur organisasi berdasarkan wilayah

- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis faedah yang ditawarkan oleh Syarikat Heder Sdn. Bhd. terhadap pekerjaanya.

- Caruman dibuat oleh majikan dan pekerja
- Bertujuan memberi perlindungan keselamatan dalam waktu bekerja
- Melindungi majikan daripada tuntutan pekerja

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan faedah yang diterima oleh pekerja syarikat tersebut.

- A Kemudahan insurans berkelompok
 - B Kemudahan caruman PERKESO
 - C Kemudahan keselamatan
 - D Kemudahan perubatan
- 28 Maklumat berikut berkaitan jenis sumber fizikal.

Sumber ini perlu diurus dengan teliti supaya tidak berlaku sebarang kerosakan. Ia akan digunakan dalam proses pengeluaran untuk menghasilkan produk yang berkualiti.

Apakah sumber fizikal tersebut?

- A Stok
 - B Bahan mentah
 - C Kilang dan mesin
 - D Produk siap
- 29 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan kesan mengurus sumber teknologi?
- I Melindungi hasil ciptaan supaya tidak disalah guna
 - II Memastikan kerosakan peralatan dapat dicegah
 - III Melindungi mesin yang berteknologi tinggi
 - IV Memastikan pekerja sentiasa produktif
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan.

Hak milik diberi selepas pembiayaan ansuran selesai

Apakah sumber pembiayaan tersebut?

- A Pajakan
- B Ar-Rahnu
- C Sewa beli
- D Pemfaktoran



- 31 Apakah sumber pembiayaan yang disediakan oleh institusi kewangan bagi pemegang akaun semasa?
- A Pemfaktoran
 - B Overdraif
 - C Gadaian
 - D Syer

- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan agensi kerajaan.

- ✓ Tumpuan pada bidang pemprosesan dan produk terkini
- ✓ Menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia terlibat dengan penyelidikan produk

Apakah agensi tersebut?

- A Majlis Amanah Rakyat (MARA)
 - B Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC)
 - C Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
 - D Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)
- 33 Antara berikut, yang manakah butiran dalam penyata pendapatan?
- I Pinjaman
 - II Insurans
 - III Belian
 - IV Tunai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34 Maklumat kewangan berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

Butir Jun 2026	RM
Baki tunai	12 250
<u>Penerimaan:</u>	
Jualan tunai	40 000
<u>Pembayaran:</u>	
Belian tunai	10 000
Gaji	5 500
Iklan	400
<u>Aset</u>	
Perabot	5 200

Berapakah baki akhir penyata aliran tunai pada Jun 2026?

- A RM 24100
- B RM 36350
- C RM 41550
- D RM 42250

35 Berikut adalah maklumat kewangan Syarikat TRK Berhad bagi tahun berakhir 2025.

Butiran	RM
Untung kasar	101 000
Untung bersih	90 000
Modal awal	350 000
Modal akhir	405 000

Berapakah peratusan pulangan atas modal pada tahun tersebut?

- A 22.22%
- B 24.94%
- C 25.71%
- D 28.85%

- 36 Pernyataan berikut berkaitan ciri-ciri keperibadian seorang usahawan.

Khairul Ahming menjual produk Sambal Gilis secara dalam talian dan membuat promosi melalui media sosial. Beliau seorang yang cepat bertindak dan mudah menyesuaikan diri dengan perubahan semasa.

Apakah ciri keperibadian yang ada pada usahawan tersebut?

- A Berdikari
 - B Fleksibel
 - C Komitmen yang tinggi
 - D Berani mengambil risiko
- 37 Situasi manakah berkaitan dengan faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan?
- A Elly menyediakan kemudahan parkir kepada pelanggannya
 - B Alfa memberi tumpuan sepenuhnya dalam operasi perniagaan
 - C Siva berkeupayaan membina jenama bagi produk baharunya
 - D Chiew dapat menyelesaikan rungutan pelanggannya
- 38 Antara berikut, manakah tanggungjawab yang perlu dipatuhi selepas proses pemerbadanan bagi sebuah syarikat berhad?
- I Mempamerkan struktur organisasi mengikut jawatan dalam syarikat
 - II Memastikan nombor pendaftaran syarikat tertera pada dokumen rasmi
 - III Meletakkan papan tanda mengikut spesifikasi pihak berkuasa tempatan
 - IV Melantik setiausaha syarikat dalam tempoh 30 hari selepas pemerbadanan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



39 Maklumat berikut berkaitan dengan dokumen aktiviti perniagaan.



ASPIRE CORPORATION

Jejebu, Negeri Sembilan

Kepada:
Khay Cyber Cafe
Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan

No. siri:	INV-2024-001
Tarikh:	24-Apr-25

Bil	Butiran	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Laptop Acer Aspire 3	2	2500	5000.00
2	Pencetak Pixma G2010	3	400	1200.00
JUMLAH				6200.00

Maklumat Pembayaran:
Bank: Maybank
No. Akaun: 1234567890
Nama Akaun: Aspire Corporation

Syarat pembayaran: 10%, 14 hari
5%, 21 hari

Aktiviti manakah yang berkaitan dengan Aspire Corporation?

- A Jualan barang secara tunai
- B Jualan barang secara kredit
- C Belian barang secara kredit
- D Belian barang secara tunai

40 Pernyataan berikut berkaitan kaedah promosi bagi sebuah perniagaan.

Syarikat Wucckoo Berhad bercadang untuk mengadakan pameran bergerak ke seluruh negara untuk mencari pelanggan bagi menjual produk penapis air baharunya.

Manakah yang berkaitan dengan kaedah promosi tersebut?

- A Mengagihkan produk terus kepada pengguna
- B Menyalurkan maklumat melalui media massa
- C Mengiklankan menggunakan media elektronik
- D Menggunakan kaedah jualan secara bersemuka

KERTAS SOALAN TAMAT

